

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 06 Ogos 2015 14:48
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: INSPIRATIONAL ACADEMICS PROGRAMME MEWUJUDKAN PELAPIS PEMIMPIN
DALAM P&P



**Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti**

UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia

06 OGOS 2015 | 21 SYAWAL 1436H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

INSPIRATIONAL ACADEMICS PROGRAMME MEWUJUDKAN PELAPIS PEMIMPIN DALAM P&P



Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) telah mengadakan suatu program khas bagi memperkasakan pemimpin akademik dalam bidang pengajaran di kalangan warga UUM. Program yang dinamakan *Inspirational Academics Programme* ini telah diadakan di EDC, UUM, pada 4 Ogo 2015 dan telah dirasmikan oleh Pengarah UTLC, Prof. Madya Dr. Fauziah Bt. Abdul Rahim.

Dalam program ini, sebanyak 5 bengkel berasaskan modul AKEPT telah dijalankan serentak pada hari tersebut. Bengkel tersebut adalah berasaskan modul e-Learning (Level 2), Project-Oriented Problem Based Learning (Level 1), Higher Education Learning and Teaching (Level 1), Modular Approach (Level 1), Learning Engagement and Motivation (Level 1). Bengkel ini memberi platform kepada staf akademik yang telah menghadiri bengkel di AKEPT untuk berkongsi ilmu dan memberikan pendedahan awal kepada pelapis pemimpin pengajaran dan pembelajaran yang akan berpeluang hadir ke bengkel yang sama nanti di AKEPT. Dengan itu, mereka akan lebih bersedia dan dapat menghayati tujuan mereka dipilih oleh Pusat Pengajian masing-masing untuk hadir ke bengkel tersebut nanti dan membantu pusat pengajian dan universiti untuk melatih pensyarah lain secara lebih menyeluruh lagi.

Fasilitator adalah terdiri daripada beberapa staf akademik UUM yang telah mengikuti siri program latihan yang dikendalikan oleh AKEPT, Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka adalah Prof. Madya Dr. Osman B Ghazali, Dr. Mohd. Hasbullah bin Omar dari pusat pengajian Pengkomputeran, Dr. Mohd Razani B Mohd Jali dari pusat pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Dr. Fariz Hanim binti Rusly dari pusat pengajian Perakaunan, Dr. Norizah Binti Aripin, Dr. Awan Bt Ismail dari pusat pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, dan Dr. Wan Shakizah binti Wan Mohd. Noor dari pusat pengajian Pengurusan Perniagaan.

=====

DARIPADA:
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4701
FAKS : 04-928 4702
E-MEL : utlc@uum.edu.my